

TALKING POINT
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN
PADA 21 APRIL 2010
DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Satu Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan
Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib
Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berusaha Tuan Haji Rusli Abdul Hamid, Pendaftar
UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, serta kakitangan Universiti Malaysia Perlis yang dikasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

Hadirlin sekalian,

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T diatas limpahan rahmat daripadaNya, kita masih lagi berkesempatan bagi merasai kenikmatan di bulan April 2010 ini. Saya berdoa semoga dengan kesempatan yang diberikan ini, kita akan melaksanakan setiap tugas yang diamanahkan dengan sebaiknya. Terima kasih kepada anda kerana masih bersama menyokong perjumpaan mingguan yang kita praktikkan selama ini. Semoga keakraban hubungan antara kita ini akan berkekalan dan bertambah utuh tidak tergugat oleh peredaran masa.

Ladies and gentlemen,

I just want to share with all staff that we have made UniMAP tour session (road shows) to meet our alumni to clarify the actual situation of UniMAP. We have ventured into the four states that represent the four zones that are in Penang (North Zone), Kuala Lumpur (Central Zone), Johor Bahru (South

Zone), and finally, Terengganu (East Zone) for a meeting with alumni. For all you know, they are already working in various multinational and national companies. And what makes me happy was the feedback received from our alumni. They expressed confidence and unwavering support that UniMAP will get accreditation for the programs. They also did not really have a problem in their work, although the matter is not distributed right by the newspaper. Thank you and congratulations to 'Taskforce' and PSAU UniMAP for their hard efforts because we had received a good response from alumni UniMAP. Thank you.

Hadirin sekalian,

Walaupun baru empat bulan melalui tahun 2010 ini, pelbagai cabaran telah menghiasi catatan diari tahunan kita. Saya kira cabaran yang menyesakkan fikiran kita tentulah mengenai status akreditasi program UniMAP yang belum mendapat pengiktirafan BEM dikeluarkan oleh pihak akhbar KOSMO. Di sini, saya hanya ingin memaklumkan kepada semua kakitangan UniMAP bahawa kita telah menjalankan sesi jelajah (road show) untuk bertemu alumni kita bagi memperjelaskan situasi sebenar kedudukan UniMAP.

Kita telah menjelajah ke empat negeri yang mewakili empat zon iaitu di Pulau Pinang (Zon Utara), Kuala Lumpur (Zon Tengah), Johor Bahru (Zon Selatan) dan akhir sekali

Terengganu (Zon Timur) bagi perjumpaan bersama alumni. Untuk pengetahuan anda sekalian, mereka ini telahpun bekerja di pelbagai syarikat multinasional dan nasional di Negara ini. Apa yang menggembirakan saya ialah maklum balas yang diterima daripada alumni kita. Mereka melahirkan rasa percaya dan sokongan tidak berbelah bahagi kepada UniMAP dan mereka yakin bahawa UniMAP akan memperolehi akreditasi bagi program – program tersebut. Mereka juga sebenarnya tidak mengalami masalah dalam sektor pekerjaan mereka walaupun perkara tersebut disebarluaskan secara tidak tepat oleh akhbar tersebut.

Tetapi saya percaya semua itu adalah berkat usaha semua pihak di UniMAP. Terima kasih dan syabas saya ucapkan diatas kerjasama ‘Taskforce’ dan PSAU yang terdiri daripada kakitangan UniMAP yang terpilih kerana usaha keras mereka telah membawa hasil dan menerima respon yang baik daripada alumni UniMAP.

Hadirin sekalian,

Minggu ini juga merupakan minggu ulangkaji peperiksaan (study week) bagi para pelajar kita. Dikesempatan yang ada ini, marilah kita bersama berdoa agar mereka dapat melakukan yang terbaik dalam peperiksaan akhir ini. Kepada kakitangan yang banyak berurusan dengan para pelajar, saya kira bermula dari minggu ini anda akan mempunyai masa

yang agak terluang. Saya berharap agar anda menggunakan masa yang ada itu untuk menilai diri sendiri dan membuat persediaan untuk menjadi kakitangan yang lebih baik. Seperti yang saya katakan pada minggu lepas mengenai empat nilai asas iaitu “Membudayakan Kreativiti dan Inovasi”, “Kepantasan bertindak dan membuat keputusan”, “Nilai untuk Wang atau "Value for Money" dan “Nilai Intergriti”.

Sebagai permulaan saya berharap, agar kakitangan UniMAP mengkaji diri sendiri dan meningkatkan “Nilai Intergriti” yang menjadi asas kepada transformasi ke arah masyarakat maju yang bukan sahaja diasaskan kepada kemajuan ekonomi dan teknologi, tetapi juga kemajuan dalam pembangunan sosial, budaya, intelek dan rohani. Hal ini kerana etika dan integriti adalah merupakan perkara terpenting bagi sesuatu pembangunan dan tanpa integriti segalanya tidak akan bermakna. Oleh itu, saya menyeru agar semua kakitangan UniMAP berusaha meningkatkan nilai intergriti diri masing-masing dan menyalurkan dalam perkhidmatan kita di UniMAP ini. Jadi fikir-fikirkanlah....

Hadirin sekalian,

Saya memilih untuk tidak bercakap panjang pada hari ini. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya menyeru anda sekalian untuk teruskan sokongan anda sebagai kakitangan UniMAP terhadap universiti ini. Semoga

cabaran yang mendatang nanti bakal dilalui oleh kita dengan tabah dan bersatu hati. Jangan biarkan kekuatan dan kelebihan kita ini diganggu gugat oleh anasir luar yang sentiasa ingin melihat kita kecundang. Saya sentiasa berdoa agar kejayaan sentiasa menjadi milik kita.

Mencari kasih penyejuk hati,
Buat peneman seumur hidupnya,
Marilah kita bersatu hati,
Menyayangi UniMAP buat selamanya,

Sekian,

Wassallammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh....